

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 2005/2006

November 2005

**HGM 235 - Geografi Penduduk dan Sumber Manusia**

Masa: 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab EMPAT soalan semuanya. Setiap soalan memberikan 25 markah.

...2/-

1. Bincangkan sejauhmana faktor-faktor perubahan penduduk dan politik dalam sesebuah negara dapat membantu perkembangan geografi penduduk sejak tahun 1950an.  
[25 markah]
2. [a] Bincangkan faktor-faktor yang menyumbang kepada perubahan struktur umur dan jantina penduduk.  
[10 markah]  
[b] Huraikan apakah kesan jangka panjang terhadap negara yang mengalami perubahan struktur umur dan jantina tersebut.  
[15 markah]
3. Bincangkan bagaimana perkembangan revolusi perindustrian yang berlaku di Eropah sejak kurun ke-17 telah menyebabkan kesuburan menurun di negara-negara Eropah.  
[25 markah]
4. Bincangkan TIGA teori migrasi yang dianggap penting dan jelaskan bagaimanakah satu daripada teori tersebut boleh menjelaskan pola migrasi dalaman di Malaysia?  
[25 markah]
5. Huraikan bagaimana dasar taburan penduduk boleh dijadikan pelan tindakan yang berkesan dalam mengagihkan taburan ruangan penduduk dan pembangunan sosio-ekonomi.  
[25 markah]
6. Bincangkan sejauhmana pelaksanaan program perancangan Keluarga di China telah berjaya mengurangkan paras kesuburannya.  
[25 markah]
7. [a] Huraikan adakah Malaysia menghadapi masalah pembangunan sumber manusia?  
[10 markah]  
[b] Bincangkan strategi-strategi yang boleh dilaksanakan bagi mengatasi masalah tersebut.  
[15 markah]

- ooo 0 ooo -